



Soal: Bagaimana hukumnya orang yang mengeluarkan mani dengan tangan? – Pemuda Angkatan Baru.

Jawab: Ada pun perbuatan ini adalah suatu perbuatan yang keji dan hina. Perbuatan ini dinamakan Jalakhat atau Jalad amirah iaitu apabila yang mengerjakan itu lelaki dan apabila yang mengerjakannya itu perempuan maka ia dinamakan al-Taf. Perkara yang semacam ini kerap kali dilakukan oleh belia-belia yang telah baligh atau orang-orang yang tidak mempunyai isteri atau suami. Menurut ilmu kesihatan keadaan yang demikian adalah lebih merbahaya daripada membanyakkan jima' (bersetubuh) oleh kerana perbuatan itu melemahkan anggota dan untuk serta urat dan sendi kerap kali orang yang melakukan perbuatan ini boleh kena penyakit sawan dan boleh juga membawa penyakit gila. Dengan sifat merbahaya yang tersebut maka sudah pada layaknya Nabi (SAW) menghukumkan perkara itu dengan itlak haram.

Al-Imam Syafie menghukumkan haram itu bersandar kepada firman Allah yang maksudnya: Dan (berbahagialah) mereka yang menjaga kehormatan kemaluannya melainkan terhadap kepada isteri mereka sendiri dan hamba sahaya maka mereka itu dengan perbuatan yang tersebut tidak tercela dan barang siapa yang menghendaki selain daripada itu adalah ia melanggar batas. – (Surah Al-Mukmin ayat 8-5).

Maksud ayat ini mengikut faham Imam Syafie bahawa mengeluarkan mani dengan sebab selain daripada isterinya sendiri atau jariahnya haram sebab perbuatan yang demikian itu dinamakan Allah melanggar batas. Keterangan ini dikuatkan

lagi oleh amaran yang diberi kepada mereka-mereka yang berbuat demikian oleh hadis Nabi (SAW) yang diriwayatkan oleh Anas ibn Malik yang berkata: Nabi (SAW) telah pernah bersabda - Tujuh orang yang Allah tidak gemar melihat kepada mereka itu pada Hari Kiamat dan tidak diperbaiki dan tidak pula dikumpulkan kepada mereka itu bersama-sama dengan orang yang beramal baik dan mereka itu akan dimasukkan ke dalam neraka melainkan mereka bertaubat. Sesiapa yang bertaubat maka Allah akan memberikan taubat atasnya. Mereka-mereka yang tersebut ialah mengeluarkan mani dengan tangannya, orang diperbuatannya antara lelaki, orang yang sentiasa minum arak, orang yang memukul kedua ibu bapanya sehingga kedua mereka itu berteriak meminta tolong, orang yang menganiayai kepada jiran-jirannya sehingga mereka itu melaknatnya, dan orang yang berzina dengan isteri jiran-jirannya.

Dengan ini terang bahawa perbuatan yang sedemikian itu bukannya sahaja haram bahkan juga merosak kepada kesihatan dan perbuatan-perbuatan yang keji bahkan bakal membawa kepada penyakit yang bakal membawa mudarat kepada dirinya sendiri iaitu apabila ia berikhtiyar sama ada dengan tangan atau lainnya mengeluarkan maninya itu - sekianlah.

-----*-----*-----

Soal: 1. Patutkah atau tidak jika di dalam satu-satu tubuh persatuan kita seperti pertubuhan UMNO dan cawangan-cawangannya itu menubuhkan “Puak Pembangkang” di dalam Jemaah jawatankuasa?
2. Tolong beri penerangan bagaimanakah kedudukan “Puak Pembangkang” di dalam parlimen British England itu?

“Pencinta Persatuan” Seremban.

Jawab: Saya rasa satu-satu tubuh jawatankuasa dari satu-satu persatuan atau persekutuan tiadalah mustahak menubuhkan suatu puak pembangkang

sebab dasar tujuan persatuan atau persekutuan itu sama dan ahli-ahli atau anggota-anggota jawatankuasa itu adalah dipilih dan dilantik oleh ahli-ahli atau member-member yang sama berpegang dengan dasar dan tujuan persatuan atau persekutuannya itu.

Anggota-anggota jawatankuasa itu tiadalah mewakili sebahagian atau sepuak daripada ahli-ahli persatuan atau persekutuannya bahkan adalah anggota-anggota jawatan kuasa itu mewakili persatuan dan ahli-ahlinya semua sekali. Jadi apa-apa yang difikirkannya molek bagi persatuan dan ahli-ahlinya dianjurkan dan disokongnya dan mana-mana yang difikirkan tiada munasabah dan tiada molek dibangkangnya, dengan tiada payah berpuak lagi.

Adapun puak pembangkang dalam parlimen British di England itu adalah daripada orang-orang yang lain dasar dan tujuan siyasahnya daripada dasar dan tujuan siyasah pihak yang memerintah. Sebagaimana yang ada sekarang teraju pemerintahan dipegang oleh puak Siasah Buruh (Labour Party) dan puak pembangkang adalah daripada puak Siasah Tua (Conservative Party) iaitu dasar dan tujuan siyasahnya adalah berlainan daripada puak Buruh yang memegang teraju pemerintahan itu.

-----*-----*-----

Soal:

1. Mengapa fitrah diwajibkan sebelum sembahyang Hari Raya?
2. Mengapa warna kulit manusia itu berlainan – ada yang hitam, ada yang putih, ada yang kuning dan sebagainya: -

Abdul Malik bin Kahar, Batu Kurau, Taiping, Perak.

Jawab:

Fitrah diwajibkan mengeluarkannya sebelum sembahyang Hari Raya itu adalah mengandung suatu rahsia yang amat bersih dan tujuan yang mulia. Seperti yang diketahui adalah orang-orang yang boleh menerima zakat fitrah itu ialah delapan jenis:-

1. Orang-orang fakir.
2. Orang-orang miskin.
3. Orang-orang yang bekerja mengutip zakat dan fitrah.
4. Orang-orang mualaf.
5. Untuk menebus hamba.
6. Untuk membayarkan hutang orang.
7. Untuk dibelanjakan atas jalan Allah (fi sabilillah)
8. Orang-orang musafir

Orang-orang yang tersebut di atas ini adalah orang-orang yang berhajat kepada pertolongan dan bantuan dan juga orang-orang yang kekurangan. Maka sebarang bantuan dan pertolongan yang datang kepada mereka – lebih-lebih lagi jika bantuan dan pertolongan itu datangnya pada masa mereka sangat-sangat berhajat kepadanya bagi penggunaan mereka atau bagi penggunaan familinya dan keluarga mereka – adalah sangat-sangat dikehendaki oleh mereka kerana dengannya dapatlah mereka bersama raya dan suka menyambut Hari Raya yang dimulikan bersama-sama itu.

Dengan yang demikian juga akan ratalah simpulan mahabbah di antaranya sama Islam daripada segala lapisan martabat dan golongan masyarakat.

Yang kedua sebab pun berlainan warna kulit manusia di antara satu dengan yang lain itu ialah kerana duduk tinggal di dalam kawasan-kawasan yang berlainan udara dan hawanya. Udara dan hawa negeri adalah berkesan kepada kulit manusia.

-----*-----*-----

Soal:-

1. Dari mana asalnya nama Indonesia itu?
2. Siapakah yang mula-mula memberi nama itu? – Musa bin Abdul Hamid.

Jalan Umar, Kluang, Johor.

Jawab:-

Indonesia adalah nama yang ditentukan bagi seluruh gugusan Pulau-pulau Melayu yang dahulunya dinamakan Hindia Timur Belanda.

Perkataan “Indonesia” itu asalnya dari perkataan Jerman. Ia terdiri dari dua perkataan atau dua potong kata iaitu Indus (Indus) dan Nesos (Nesos) Indus ialah sebuah sungai di India yang mengalir ke lautan India dan Nesos ertinya pulau-pulau.

Jadi perkataan Indonesia itu asal ertinya Pulau-pulau yang terletak di hadapan muara sungai Indus.

Oleh kerana nama itu telah difikirkan munasabah dan sesuai bagi mengikat persatuan bagi seluruh bangsa Indonesia maka pemimpin-pemimpin Indonesia terus menerima nama itu dan dijadikan sebagai nama rasmi bagi gugusan pulau-pulau yang di bawah pemerintahan Indonesia.

-----*-----*-----

Soal:-

(1) Adakah jawatan Cif Kadi Singapura ini dilantik oleh kerajaan atau lantikannya orang ramai?

(2) Adakah jawatan itu diisytiharkan dalam warta kerajaan?

(3) Di manakah gelaran Chief Kadi itu didapati? – “Uncle”

Jawab:-

Jawatan Chief kadi itu tidak dilantik oleh kerajaan dan tidak juga ada jawatan-jawatan itu dirasmikan di dalam negeri ini. Di dalam undang-undang Muhammadan Ordinance Chapter 57 jawatan itu

tidak ada disebut sama sekali. Di sana hanya ada selain daripada jawatan kadi ialah jawatan Mufti. Tetapi jawatan Mufti ini hingga hari ini belum ada lagi diisi. Juga tidak ada satu perisytiharan dalam warta kerajaan melantikan lantikan itu. Dengan kerana ini maka menurut pendapat kita segala sesuatu keputusan yang disebut dengan nama Chief Kadi, dengan kerana tidak ada isytihar rasmi itu tidak boleh digunakan di dalam perkara yang bertsabit dengan undang-undang atau fatwa-fatwa rasmi.

Sepanjang yang kita ketahui jawatan itu didapati adalah di antara mereka dengan mereka sahaja berkumpul lalu melantik salah seorang daripada mereka itu menjadi Chief Kadi – yang rasmi tidak ada sekianlah yang dapat kita menjawabnya.

Kitaberiketahuikepadatuan-tuanbahawakitabuatpekerjaantabib sudah sepuluh tahun manakala di negeri Perak saja kita telah berkhidmat selama tiga puluh enam tahun seterusnya pula pernah kita menjadi tabib khas di Istana Sultan Perak semenjak dari tahun 1929 hingga tahun 1938 selama sepuluh tahun di Kuala Kangsar dan juga kita mendapat ilmu ini mengadapi guru-guru yang mahir dan dikaji dari Ilmu Tasyrih al-Amarad dan Ilmu Nabatat dan bukan kita dapati dari mimpi-mimpi di dalam tidur. (1) tuan-tuan yang mengenai penyakit silalah datang periksa penyakit tiada apa-apa bayaran (2) jikalau tuan-tuan tidak dapat datang pintailah form periksa penyakit, kita boleh kirimnya percuma. (3) Ubat beranak enam macam wakaf sampai empat puluh empat hari tiada apa-apa pantang tiada payah berdiang atau bersali harganya \$ 15/ bersih belanja pos.



*Yang benar:-
Tabib Ahmad Jalil Mubir – 49 Lahat Road
Ipoh, Perak*